

EDISI 10

JUN 2023

# BULETIN APB

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
KAMPUS SEREMBAN



# *Ceramah Kerjaya PPKAS: "Chemistry Graduates in Fragrance and Oleochemistry Industry"*

**NURAZIRA MOHD NOR, ASIAH ABDULLAH, NUR NADIA DZULKIFLI  
& SHEIKH AHMAD IZZADIN SHEIKH MOHD GHAZALI**

UiTM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN KAMPUS KUALA PILAH


Unit Talking Circle dengan kerjasama Kumpulan Special Interest Group (SIG) MaterOleo di bawah Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar (PPKAS) serta Persatuan AI-Chemist, UiTM Cawangan Negeri Sembilan (UiTMCNS) Kampus Kuala Pilah telah mengadakan satu program ceramah kerjaya pada 13 Januari 2023 yang lalu. Ceramah kerjaya yang bertajuk "Chemistry Graduates in Fragrance and Oleochemistry Industry" ini telah diadakan di Dewan Anjung Perpatih, UiTMCNS, Kampus Kuala Pilah dan telah berjaya menarik minat seramai lebih 100 orang pelajar yang mempunyai latar belakang kursus yang pelbagai. Antara pengisian ceramah kerjaya ini termasuk sesi perkongsian ilmu berkaitan oleokimia di mana oleokimia merupakan bidang penting yang memfokuskan kepada minyak dan lemak dan bahan oleokimia yang digunakan secara meluas dalam pelbagai industri termasuk industri berasaskan makanan dan bukan makanan.

Ceramah kerjaya ini dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Prof. Madya Ts. ChM Dr. Sheikh Ahmad Izzaddin Sheikh Mohd Ghazali, Koordinator Pusat Pengajian Kimia dan Alam Sekitar, UiTMCNS, Kampus Kuala Pilah dan diteruskan dengan sesi pertama iaitu sesi perkongsian oleh Puan Teoh Joo Yin atau lebih dikenali dengan nama panggilan mesranya Puan Joey yang merupakan Pengasas dan Pengarah Urusan Nessochem Sdn. Bhd., Malaysia. Perkongsian yang bertajuk Fragrance Industry (Inclusive of Smelling Techniques & Experience on Aroma Chemical & Essential Oil) ini adalah sangat menarik dan informatif di mana pelajar menunjukkan minat dan teruja untuk mengenali jenis-jenis wangian yang digunakan dalam pembuatan produk oleokimia di samping diberikan pelbagai jenis sampel wangian. Sesi kedua pula diteruskan dengan perkongsian oleh Encik Darrell Tan, Pengarah Urusan Bakrie Group, Indonesia yang bertajuk "Palm Oil Derivatives Oleochemical Industry". Malaysia terkenal sebagai salah satu negara pengeluar utama minyak sawit dalam pasaran dunia. Perkongsian ini telah memberi penerangan dan informasi yang jelas mengenai aplikasi minyak sawit dalam industri makanan dan bukan makanan. Tidak lupa juga perkongsian oleh penceramah mengenai cabang-cabang kerjaya yang boleh diterokai oleh graduan kimia dalam bidang oleokimia terutama industri wangian.



Rajah 1 Sesi perkongsian oleh Puan Joey dan oleh Encik Darrell Tan ketika program berlangsung.

Program ini diakhiri dengan sesi penyampaian hadiah serta cabutan bertuah bagi 5 orang pelajar bertuah yang menerima sampel 'essential oil' dari pihak penceramah. Program ini telah mendapat maklum balas positif daripada pelajar. Pelajar menyatakan bahawa program ini sangat menarik dan berharap agar program ceramah kerjaya seperti ini dapat dijalankan lagi pada masa akan datang. Program ceramah kerjaya ini dilihat dapat memperluaskan lagi pertukaran ilmu daripada segi pendedahan kepada graduan kimia kepada industri oleokimia serta peluang pekerjaan di dalam bidang berkenaan. Program ini juga dilihat dapat mengukuhkan lagi kolaborasi dan kerjasama di antara UiTMCNS dengan pihak industri tempatan dan antarabangsa bagi pembentukan graduan yang berkualiti dan menepati kehendak pasaran semasa.



Rajah 2 Penceramah jemputan bersama para pelajar yang menyertai program bertempat di Dewan Anjung Perpatih, UiTM Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Kuala Pilah.